



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 12 TAHUN 2019**

**PENAWARAN KURSUS MPU KELOMPOK U1 KURSUS HNH3182 PENGHAYATAN
ETIKA DAN PERADABAN DAN KURSUS HNS3192 FALSAFAH DAN ISU SEMASA
KEPADA PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA BUKAN PENDIDIKAN DAN
DIPLOMA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
15 Oktober 2019

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 12 TAHUN 2019

**PENAWARAN KURSUS MPU KELOMPOK U1 KURSUS HNH3182 PENGHAYATAN
ETIKA DAN PERADABAN DAN KURSUS HNS3192 FALSAFAH DAN ISU SEMASA
KEPADA PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA BUKAN PENDIDIKAN
DAN DIPLOMA**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-183 Bilangan 10/2019 yang bersidang pada 15 Oktober 2019 telah bersetuju dengan Penawaran Kursus MPU Kelompok U1 Kursus HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban dan Kursus HNS3192 Falsafah dan Isu Semasa kepada Pelajar Sarjana Muda Bukan Pendidikan dan Diploma.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 14/2019 pada Jun 2019 telah memutuskan agar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta Kursus Falsafah dan Isu Semasa ditawarkan kepada semua pelajar IPT sebagai kursus wajib MPU U1. Penawaran kursus-kursus ini bertujuan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah di kalangan pelajar IPT.

2.2 Jabatan Pendidikan Tinggi melalui surat bernombor rujukan JPT(BKA)1000/011/04(9) bertarikh 15 Ogos 2019 seperti di **LAMPIRAN A** telah menetapkan kedua-dua kursus ini dilaksanakan berkuatkuasa September Kohort 2019/2020.

2.3 Maklumat kursus MPU Kelompok U1 baharu untuk penawaran di UPSI adalah seperti berikut:

| Kelompok Kursus | Kod Kursus | Nama Kursus | Kredit |
|------------------------|-------------------|---------------------------------|---------------|
| MPU U1 | HNH3182 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 |
| MPU U1 | HNS3192 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 |

2.4 Mesyuarat Senat Kali Ke-182 Bilangan 9/2019 bertarikh 20 September 2019 telah meluluskan penawaran Kursus MPU Kelompok U1 Kursus HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban serta Kursus HNS3192 Falsafah dan Isu Semasa kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan/ Sarjana Muda dengan Pendidikan bermula Ambilan September Sesi 2019/2020.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 Struktur Kursus Universiti dengan penawaran Kursus MPU Kelompok U1 bagi **pelajar warganegara program Sarjana Muda bukan Pendidikan:**

| KELOMPOK | Kod Kursus | Nama Kursus | Kredit |
|-----------------|-------------------|---------------------------------|---------------|
| U1 | HNH3182 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 |
| U1 | HNS3192 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 |

| | | | |
|----------------------|---------|--|-----------|
| U1 | HNF3012 | Falsafah Ilmu | 2 |
| U2 | BMW3032 | Wacana Akademik Bahasa Melayu | 2 |
| U2 | BIU2032 | English Proficiency 3 | 2 |
| U2 | BIU2042 | English Proficiency 4 | 2 |
| U2 | PPI3012 | Budaya Keusahawanan | 2 |
| U3 | MTE3012 | kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Ujian Diagnostik) | 2 |
| U3 | HNP3312 | Pengajian Kenegaraan | 2 |
| U4 | *** | Kokurikulum 1/2 | 2 |
| Jumlah Kredit | | | 20 |

3.1.2 Struktur Kursus Universiti dengan penawaran Kursus MPU Kelompok U1 bagi pelajar bukan warganegara program Sarjana Muda bukan Pendidikan:

| KELOMPOK | Kod Kursus | Nama Kursus | Kredit |
|----------------------|----------------|--|-----------|
| U1 | HNH3182 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 |
| U1 | HNF3012 | Falsafah Ilmu | 2 |
| U1 | BMU3142 | Asas Komunikasi Bahasa Melayu II | 2 |
| U2 | BIU2032 | English Proficiency 3 | 2 |
| U2 | BIU2042 | English Proficiency 4 | 2 |
| U2 | PPI3012 | Budaya Keusahawanan | 2 |
| U3 | MTE3012 | Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Ujian Diagnostik) | 2 |
| U3 | AMC3012 | Warisan Seni dan Budaya Malaysia | 2 |
| U4 | HNF2032 | Kesukarelawanan | 2 |
| U4 | *** | Kokurikulum 1/2 | 2 |
| Jumlah Kredit | | | 20 |

3.1.3 Struktur Kursus Universiti dengan penawaran Kursus MPU Kelompok U1 bagi pelajar warganegara program Diploma:

| KELOMPOK | Kod Kursus | Nama Kursus | Kredit |
|---------------|------------|------------------------------------|-----------|
| U1 | HNH3182 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 |
| U1 | BMK2012 | Bahasa Melayu | 2 |
| U2 | BIU2022 | English Proficiency 2 | 2 |
| U2 | PKU2013 | Asas Keusahawanan | 3 |
| U3 | HNS2042 | Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia | 2 |
| U4 | *** | Kokurikulum 1/2/3 | 3 |
| Jumlah | | | 14 |

Nota: Tiada perubahan dalam struktur Kursus Universiti untuk pelajar bukan warganegara peringkat Diploma

3.1.4 Kursus HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban dan HNS3192 Falsafah dan Isu Semasa hanya ditawarkan kepada pelajar SMP/ SM bermula Ambilan Semester 1 Sesi 2019/2020 (September 2019) A191. Pelajar SMP/ SM sebelum Ambilan A191 perlu mengikuti struktur penawaran kursus asal iaitu HNS2012 Hubungan Etnik dan HNH3122 TITAS.

3.1.5 Kursus HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban ditawarkan kepada pelajar Diploma mulai Ambilan Semester 2 Sesi 2019/2020 (November 2019) E192. Pelajar lama (sebelum Ambilan E192) perlu mengikut struktur penawaran kursus asal iaitu HNS2052 Pengajian Malaysia 2.

3.1.6 Penawaran kursus MPU Kelompok U1 kepada Bukan Warganegara ditetapkan kepada Kursus HNH3182 Penghayatan Etika dan Peradaban sahaja.

3.1.7 Penawaran kursus MPU Kelompok U1 HNF3012 Falsafah Ilmu kepada pelajar SM mulai Ambilan Semester 1 Sesi 2019/2020 (September 2019)

A191 diteruskan kerana ketidaksetaraan dengan Kursus HNS3192 Falsafah dan Isu Semasa dan bagi memastikan jumlah kredit kursus MPU kekal 20 kredit.

- 3.2 Pindaan ini berkuatkuasa mulai Ambilan Semester 1 Sesi 2019/2020 (September 2019) bagi program Sarjana Muda bukan Pendidikan dan Ambilan Semester 2 Sesi 2019/2020 (November 2019) bagi program Diploma.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.

“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUHAILA SIDEK)

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

